

ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL PENERIMAAN GeSVa DALAM m-PEMBELAJARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Muhammad Fariduddin Wajdi Anthony¹, Azidah Abu Ziden, Ph.D²

^{1,2}Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

¹fariduddin0408@gmail.com

Abstrak

Kemajuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah banyak memberi manfaat dalam bidang pendidikan apabila penggunaan peranti mudah dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mampu mewujudkan pembelajaran atas talian. Perkembangan yang dinamik ini turut mengubah corak pemikiran, kaedah dan pedagogi pengajaran guru iaitu pengajaran secara konvensional berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan model penerimaan GeSVa (Generic Skills and Values) dalam m-Pembelajaran di Institut Pendidikan Guru (IPG). Perkataan “GeSVa” adalah akronim daripada “Generic skills and Values”. Seramai 234 responden dalam kalangan guru pelatih IPG zon utara yang ditentukan melalui kaedah persampelan bertujuan telah terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik kajian mengandungi 26 item berkaitan tahap persetujuan terhadap konstruk dan elemen model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran yang dibahagikan kepada enam dimensi iaitu (1) kemahiran pemikiran kritis, (2) kemahiran penyelesaian masalah, (3) kemahiran TMK, (4) nilai amanah, (5) nilai bertanggungjawab dan (6) kepercayaan. Data yang diperoleh dianalisis menerusi statistik deskriptif menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22.0. Tafsiran data adalah berdasarkan peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persetujuan terhadap komponen kemahiran generik dan komponen nilai yang dikaji adalah tinggi iaitu nilai purata min keseluruhan bagi kemahiran pemikiran kritis ialah 4.326, kemahiran penyelesaian masalah ialah 4.214 dan kemahiran TMK ialah 4.301. Manakala aspek nilai pula iaitu amanah ialah 4.305, bertanggungjawab ialah 4.338 dan kepercayaan ialah 4.353. Hasil kajian mendapati bahawa kepentingan penguasaan setiap komponen kemahiran generik dan nilai kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah perlu diperkasakan dalam menempuhi pembelajaran abad ke 21. Implikasi kajian ini menunjukkan aspek kemahiran generik dan nilai perlu diintegrasikan dalam semua kursus yang ditawarkan di IPG. Sehubungan itu, terdapat faktor lain yang mempengaruhi penerimaan m-Pembelajaran di IPG harus dipertimbangkan dalam kajian yang selanjutnya.

Kata kunci: Model Penerimaan, Kemahiran Generik, Nilai, m-Pembelajaran, Analisis Keperluan

Pengenalan

Dewasa ini penekanan kepada pembangunan modal insan berkemahiran dan berpengetahuan sebagai peneraju dalam pembangunan berterusan negara. Penekanan ini dilakukan kerana modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah asas kritikal yang menentukan kejayaan Malaysia mencapai matlamat pembangunannya. Kemajuan dalam bidang teknologi digital telah mewujudkan dunia tanpa sempadan turut

memberikan gelombang revolusi kepada pembangunan semua bidang termasuklah bidang pendidikan (PPPM 2013-2025, 2012).

Impak kemajuan teknologi digital dalam era globalisasi terhadap bidang pendidikan adalah merentas pelbagai peringkat termasuklah pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi. Pelbagai mod pengajaran dan pembelajaran berasaskan pembelajaran digital telah turut sama diperkenalkan kepada pelajar IPT dan calon guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG). Antara mod digital yang diperkenalkan adalah m-Pembelajaran yang menggunakan telefon bimbit sebagai medium untuk pemerolehan kandungan kursus serta komunikasi digital antara penyelaras kursus dan pelajar (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2014).

Dalam kajian ini, pemilihan m-Pembelajaran sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah berdasarkan justifikasi terhadap persekitaran pembelajaran mudah alih mempunyai banyak ciri-ciri yang unik (Chen, Kao & Sheu, 2003). Dari pandangan Chen et al., (2003), sesungguhnya persekitaran m-Pembelajaran menyediakan peluang pembelajaran yang fleksibel dan berkuasa. Selain itu, pembelajaran yang menggunakan m-Pembelajaran menunjukkan bahawa pengkomputeran boleh berlaku di mana-mana yang mengintegrasikan peranti mudah alih, komunikasi tanpa wayar dan teknologi rangkaian untuk membina persekitaran mudah alih (Liu e tal., 2003). Kelebihan yang wujud dalam m-Pembelajaran menjadikan kaedah ini diterima pakai dalam bidang pendidikan di negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan dan Singapura yang telah mengorak langkah dalam pendidikan formal (Tsai & Hwang, 2013). Menurut kajian Ahmad Sobri Shuib (2010), kaedah penggunaan m-Pembelajaran telah lama digunapakai dan telah dipraktikkan di luar negara. Namun begitu, tahap penerimaan m-Pembelajaran di Malaysia dilihat masih pada tahap sederhana terutamanya di IPG (Muhammad Nidzam, 2017).

Berdasarkan kajian-kajian lalu dapat dilihat wujudnya penekanan elemen-elemen UTAUT iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan sebagai faktor utama penerimaan terhadap m-Pembelajaran (Hussin, Jaafar & Downe 2011; Akbar, 2013; David, Lahad & Nor Zairah, 2012; Sattari, Abdekhoda & Gavgani, 2017).

Walau bagaimanapun, dalam usaha mengintegrasikan penerimaan dan penggunaan m-Pembelajaran ke arah meningkatkan kemahiran dan daya saing bakal guru, pembangunan profesionalisme secara holistik mereka tidak boleh mengkesampingkan dua aspek penting iaitu kemahiran generik (*generic skills*) dan elemen nilai (*values*) yang turut mempengaruhi penerimaan m-Pembelajaran dalam kalangan guru pelatih.

Menurut Asra, Saedah, Mohammad Ridhuan dan Kasful (2017) penggunaan teknologi terutamanya peranti mudah alih perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seorang pendidik yang baik bukan sahaja cekap dalam ilmu pedagogi tetapi juga tahu bagaimana hendak mengaplikasikan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Saedah, 2004). Walaupun penggunaan m-Pembelajaran semakin meluas tetapi kajian-kajian lalu menunjukkan banyak faktor yang mempengaruhi penerimaan mod pembelajaran sebegini. Hal inilah yang ingin diterokai oleh pengkaji dalam konteks kajian ini.

Menurut Norlizah dan Nur Aisyah (2010), kemahiran generik meliputi sifat-sifat sosial yang ada pada manusia yang merangkumi ciri-ciri keperibadian, daya tarikan sosial, kemampuan berbahasa, norma peribadi, sikap kepekaan atau kepedulian serta sikap optimis seseorang individu. Namun demikian Syed Najmuddin (2009) mendefinisikan bahawa kemahiran generik adalah sesuatu kemahiran umum yang perlu dikuasai oleh seseorang yang mampu diterjemahkan dan diaplikasikan dalam bentuk yang optimum untuk menjadi insan yang berkualiti, berpengetahuan dan berkebolehan dalam sesuatu bidang kerja. Dalam kajian ini, kemahiran generik yang dimaksudkan ialah suatu kemahiran yang dimiliki seseorang akan menjadi penentu secara langsung untuk mempengaruhi dan mendorong individu untuk penerimaan m-Pembelajaran sebagai medium kepada PdP kemahiran pemikiran kritis kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Selain penguasaan ilmu dalam bidang profesional dan kemahiran generik, satu lagi aspek yang menjadi nilai tambah kepada kualiti PdP termasuklah nilai guru yang ditonjolkan. Perkara tentang nilai adalah meliputi akhlak dan etika yang merujuk kepada suatu ciri dan sifat yang baik (mulia) yang seharusnya ada pada setiap manusia (Mohd Hasrul & Mohd Fauzi, 2015). Dalam konteks kajian ini, elemen nilai yang difokuskan seperti amanah, bertanggungjawab dan kepercayaan merupakan faktor sebagai penentu dalam penerimaan m-Pembelajaran di IPT berdasarkan kajian (Mohd Roslan, 2010; Rashidi, 2014).

Penyataan Masalah

Kemahiran generik atau kemahiran insaniah merupakan komponen yang perlu dikuasai oleh pelajar terutamanya pelajar-pelajar IPT di Malaysia sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan (Mohd Hasril, Noorazman & Norasmah, 2017). Hal ini adalah selaras dengan keperluan dalam pendidikan abad ke 21 yang dinyatakan dalam lonjakan yang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk pengajian tinggi iaitu graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang perlu dicapai oleh pelajar PPPM (2013-2025, 2012). Sehubungan itu setiap komponen kemahiran generik bagi setiap pelajar perlu juga diperkasakan kerana insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dapat menentukan kecemerlangan dalam pembangunan negara (Norasmah, Mohd Hasril dan Mazura, 2017).

Walaupun negara-negara maju sudah mengorak langkah dalam memberi penekanan kepada kemahiran generik, tetapi di Malaysia masih terdapat kelemahan kemahiran generik pelajar di IPT terutamanya dalam penerimaan m-Pembelajaran dalam proses PdP. Akibat dari kelemahan kemahiran generik yang dimiliki telah menyebabkan pelajar tidak mempunyai keyakinan yang tinggi dalam penerimaan dan penggunaan teknologi terutamanya dalam PdP.

Isu kedua yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah elemen nilai. Kelemahan aspek nilai pelajar dalam pelaksanaan m-Pembelajaran. Menurut Mohd Paris (2016) mendapati kurangnya penekanan nilai-nilai moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan di IPT menyebabkan para graduan kurang keyakinan dalam penerimaan m-Pembelajaran sebagai medium dalam PdP. Ini disokong dalam kajian Khalim dan Wan Zulkifli (2009) yang mendapati bahawa kelemahan nilai-nilai dalam diri pelajar akan menghalang dalam

penerimaan m-Pembelajaran yang berasaskan pembelajaran yang menggunakan elektronik.

Penekanan elemen nilai kepada semua jenis bidang ilmu perlu diberi keutamaan kerana dengan menanamkan nilai-nilai yang positif adalah berupaya mengelak setiap insan daripada unsur-unsur yang negatif dan mungkar (Abdul Salam, 2010).

Secara ringkasnya kelemahan dalam kemahiran generik dan nilai merupakan faktor yang menghalang dalam penerimaan m-Pembelajaran di IPT. Oleh itu, sebelum membangunkan model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran ini adalah wajar satu kajian analisis keperluan ke atas pelajar IPT bagi mengenal pasti faktor penerimaan m-Pembelajaran dari aspek kemahiran generik dan nilai yang menggunakan peranti mudah alih sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan model penerimaan GeSVa (*Generic Skills and Values*) dalam m-Pembelajaran di IPG.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- I. Menenal pasti keperluan elemen kemahiran generik model penerimaan GeSVa m-Pembelajaran IPG.
- II. Menenal pasti keperluan elemen nilai model penerimaan GeSVa m-Pembelajaran IPG.

Soalan Kajian

Secara umumnya, pengkaji ingin melihat persoalan-persoalan berikut:

- I. Adakah terdapat keperluan elemen kemahiran generik model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran IPG?
- II. Adakah terdapat keperluan elemen nilai model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran IPG?

Batasan Kajian

Dapatan kajian ini hanya melibatkan penggunaan peralatan mudah alih seperti telefon pintar (*smartphones*), *Tablet* dan komputer riba. Manakala platform yang digunakan dalam kajian ini melibatkan *Edmodo* dan *Schoology*. Oleh itu dapatan kajian terbatas kepada peralatan dan platform sahaja.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif yang bertujuan mengkaji keperluan komponen kemahiran generik dan nilai model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran di IPG. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan deskriptif tinjauan sampel. Menurut Majid Konting (2003), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Bagi mendapatkan data, pengkaji menggunakan data primer yang diperolehi dari kaedah soal selidik kerana ia bersesuaian dengan objektif dan persoalan yang ingin dikaji.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah pelajar IPG Ambilan Jun 2016, Program Ijazah Sarjan Muda Perguruan (PISMP) di zon utara. Pengkaji memilih kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan pelajar yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian (Chua, 2006). Jumlah pelajar ialah seramai 627 orang guru pelatih dari lima buah IPG iaitu IPG Kampus Darulaman, IPG Kampus Perlis, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, IPG Kampus Tuanku Bainun dan IPG Kampus Pulau Pinang. Pengkaji menggunakan jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970) untuk menentukan sampel dalam kajian ini. Jumlah populasi adalah seramai 627 orang. Merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan, jumlah populasi dalam lingkungan 600-649 memerlukan sampel seramai 234 orang responden. Jadual 1 menunjukkan rumusan demografi responden dalam Bahagian A.

Jadual 1
Demografi Responden Pelajar

Aspek	Peratus	
Jantina	Lelaki	47.0% (N=110)
	Perempuan	53.0% (N=124)
Kaum	Melayu	55.55% (N=130)
	Cina	27.35% (N=64)
	India	14.52% (N=34)
	Lain-lain	2.56% (N=6)
	Agama	Islam
Buddha		27.35% (N=64)
Hindu		14.52% (N=34)
Lain-lain		2.56% (N=6)
Institusi		IPG Kampus Darulaman
	IPG Kampus Perlis	20.1% (N=47)
	IPG Kampus Sultan Abdul Halim	20.1% (N=47)
	IPG Kampus Tuanku Bainun	20.1% (N=47)
	IPG Kampus Pulau Pinang	19.6% (N=46)

Jika diteliti jadual 1, bilangan responden lelaki adalah seramai 110 (47.0%) orang dan responden perempuan adalah seramai 124 (53.0%) orang. Ini jelas menunjukkan bahawa seramai 234 orang responden yang terlibat di dalam fasa analisis keperluan. Responden yang berbangsa Melayu dan beragama Islam iaitu seramai 130 (55.55%) orang, diikuti Cina seramai 64 (27.35%) orang, India seramai 34 (14.52%) orang dan bangsa serta agama lain-lain adalah sebanyak 6 (2.56%) orang responden. Daripada 234 sampel yang terlibat adalah pelajar PISMP dari Zon Utara yang diambil, 20.1 % (N=47) sampel adalah dari IPG Kampus Darulaman, 20.1 % (N=47) sampel adalah dari IPG Kampus Perlis, 20.1 % (N=47) sampel adalah dari IPG Kampus Sultan Abdul Halim, 20.1 % (N=47) sampel adalah dari IPG Kampus Tuanku Bainun dan 19.6 % (N=46) sampel adalah dari IPG Kampus Pulau Pinang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini melibatkan enam konstruk iaitu kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran TMK, nilai amanah, bertanggungjawab dan kepercayaan. Bagi komponen kemahiran generik instrumen ini diadaptasi daripada instrumen Mohd Fadzli dan Normah (2011) dan komponen nilai daripada (Lee & Turban, 2001). Instrumen tersebut telah diubah suai mengikut keperluan pengkaji dan bilangan item juga telah disesuaikan dengan objektif yang terdapat di dalam kajian ini. Kajian rintis turut dilakukan ke atas 30 orang pelajar PISMP, Ambilan Jun 2017 dalam Semester Tiga di IPG Kampus Darulaman Jitra Kedah untuk melihat kebolehpercayaan (*reliability*) bagi memastikan soal selidik yang digunakan dapat mengukur perkara yang hendak diukur. Secara keseluruhan nilai *cronbach's alpha* daripada kajian rintis melebihi 0.7 yang melibatkan enam konstruk utama kajian yang diukur untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan. Menurut Pallant (2001) konstruk dan item yang melebihi 0.7 adalah sesuai digunakan dalam kajian. Jadual 2 menunjukkan ringkasan dapatan kajian rintis yang melibatkan enam konstruk utama.

Jadual 2

Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Keperluan (Cronbach's Alpha)

Bil	Konstruk	Elemen	Nilai Alpa Cronbach
1	Kemahiran Generik:		
	a) Kemahiran pemikiran kritis	1. Memberi idea baharu bagi menyelesaikan suatu tugas. 2. Berupaya menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian. 3. Mampu berfikir di luar kotak pemikiran.	0.870
	b) Kemahiran penyelesaian masalah	1. Berkebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh. 2. Berdaya tahan dalam menghadapi tanggungjawab berat yang diberikan. 3. Berkebolehan menyesuaikan diri kepada budaya persekitaran kerja yang baharu.	0.945
	c) Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	1. Berupaya untuk mengakses maklumat secara berkesan. 2. Berupaya untuk menilai kebolehpercayaan maklumat yang diperoleh secara kritikal. 3. Berkesan bagi menyelesaikan masalah. 2. Berupaya menilai kebolehpercayaan maklumat yang 3. Menggunakan maklumat yang telah dicapai secara 4. Memahami etika maklumat yang dicapai di atas talian. 5. Menggunakan maklumat yang dicapai untuk menjana maklumat baharu yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.	0.790

Jadual 2 (sambungan)

Bil	Konstruk	Elemen	Nilai <i>Alfa Cronbach</i>
		6. Menggunakan teknologi dalam perkongsian maklumat (<i>multi-media presentations using sound or video, presentation software, blogs, podcasts, etc</i>). 7. Berupaya memilih maklumat yang bersesuaian untuk digunakan. 8. Berupaya memilih media yang bersesuaian. 9. Berupaya menggunakan teknologi untuk menganalisis maklumat.	
2	Nilai: a) Amanah	1. Memberi maklumat awal kepada pengguna sebelum pengumpulan data. 2. Memberi pilihan kepada pengguna untuk berkongsi atau menggunakan maklumat mereka. 3. Membolehkan mengakses data yang dikumpulkan tentang mereka. 4. Memastikan data selamat di dalam dan di luar.	0.766
	b) Bertanggungjawab	1. Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelajaran secara m-Pembelajaran. 2. Saya akan memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran apabila menggunakan m-Pembelajaran. 3. Saya bersedia menghadapi apa sahaja kemungkinan yang berlaku semasa m-Pembelajaran dilaksanakan. 4. Saya sanggup memperuntukkan masa yang lebih terhadap m-pembelajaran.	0.830
	c) Kepercayaan	1. Saya percaya m-Pembelajaran merupakan bentuk pedagogi yang boleh dipercayai. 2. Pembelajaran secara <i>mobile</i> merupakan bentuk pembelajaran yang sesuai diamalkan. 3. M-Pembelajaran merupakan konsep pembelajaran yang diyakini.	0.812

Dalam soal selidik ini, skala *likert* yang digunakan seperti dalam jadual 3.

Jadual 3

Tahap Persetujuan Skala Likert 5 Mata

Skala Likert	Persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Sederhana Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Instrumen ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A adalah demografi responden yang merangkumi jantina, kaum, agama dan institusi. Bahagian B adalah berkaitan dengan tahap persetujuan terhadap komponen kemahiran generik. Seterusnya Bahagian C pula berkaitan dengan tahap persetujuan terhadap komponen nilai. Bagi proses penganalisan data dalam fasa analisis keperluan, pengkaji menganalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22.0 untuk mendapatkan skor min dan sisihan piawai. Jadual 4 menunjukkan interpretasi min analisis keperluan yang digunakan berdasarkan kajian Muhammad Nidzam (2017), Amani Dahaman (2014) dan Ahmad Sobri (2010).

Jadual 4

Interpretasi Min Analisis Keperluan

Skor Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

DAPATAN KAJIAN**Persetujuan Terhadap Keperluan Konstruk Kemahiran Generik Dalam Model Penerimaan GeSVa m-Pembelajaran**

Persoalan kajian 1: Adakah terdapat keperluan elemen kemahiran generik model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran Institut Pendidikan Guru (IPG)?

Jadual 5

Kemahiran Pemikiran Kritis

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Memberi idea baharu bagi menyelesaikan suatu tugas.	4.607	.643	Tinggi	PERLU
2	Berupaya menganalisis masalah untuk mencari penyelesaian.	4.124	.619	Tinggi	PERLU
3	Mampu berfikir di luar kotak pemikiran.	4.248	.641	Tinggi	PERLU

Jadual 5 menunjukkan purata skor min persetujuan bagi Kemahiran Pemikiran kritis yang diperlukan oleh pelajar IPG yang menjadi penentu sebagai faktor penerimaan m-Pembelajaran dengan nilai skor min persetujuan sebanyak 4.326 (SP=0.634). Item yang mempunyai nilai skor min yang tinggi adalah item 1 iaitu 4.607 (SP=.643). Manakala item yang mendapat persetujuan yang rendah adalah item 2 iaitu 4.124 (SP=.619) tetapi masih diinterpretasi pada tahap yang tinggi.

Jadual 6

Kemahiran Penyelesaian Masalah

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Berkebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh.	4.128	.635	Tinggi	PERLU
2	Berdaya tahan dalam menghadapi tanggungjawab berat yang diberikan.	4.261	.583	Tinggi	PERLU
3	Berkebolehan menyesuaikan diri kepada budaya persekitaran kerja yang baharu.	4.252	.636	Tinggi	PERLU
Skor Purata Persetujuan		4.214	0.618	Tinggi	PERLU

Jadual 6 memaparkan purata skor min persetujuan bagi Kemahiran Penyelesaian Masalah yang diperlukan oleh pelajar IPG yang menjadi penentu sebagai faktor penerimaan m-Pembelajaran dengan nilai skor min persetujuan sebanyak 4.214 (SP=0.618). Item yang mempunyai nilai skor min yang tinggi adalah item 2 iaitu 4.261 (SP=.583). Manakala item yang mendapat persetujuan yang rendah adalah item 1 iaitu 4.128 (SP=.635) tetapi masih diinterpretasi pada tahap yang tinggi.

Jadual 7

Kemahiran TMK

Bi l	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Berupaya untuk mengakses maklumat secara berkesan.	4.402	.681	Tinggi	PERLU
2	Berupaya menilai kebolehpercayaan maklumat yang diperoleh secara kritikal.	4.167	.650	Tinggi	PERLU
3	Menggunakan maklumat yang telah dicapai secara berkesan bagi menyelesaikan masalah.	4.205	.636	Tinggi	PERLU
4	Memahami etika maklumat yang dicapai di atas talian.	4.333	.624	Tinggi	PERLU
5	Menggunakan maklumat yang dicapai untuk menjana maklumat baharu yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.	4.440	.685	Tinggi	PERLU

Jadual 7 (sambungan)

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
6	Menggunakan teknologi dalam perkongsian maklumat (<i>multi-media presentations using sound or video, presentation software, blogs, podcasts, etc</i>).	4.303	.660	Tinggi	PERLU
7	Berupaya memilih maklumat yang bersesuaian untuk digunakan.	4.222	.643	Tinggi	PERLU
8	Berupaya memilih media yang bersesuaian.	4.295	.624	Tinggi	PERLU
9	Berupaya menggunakan teknologi untuk menganalisis maklumat.	4.338	.623	Tinggi	PERLU
Skor Purata Persetujuan		4.301	0.647	Tinggi	PERLU

Jika diteliti, jadual 7 menunjukkan purata skor min persetujuan bagi Kemahiran TMK yang diperlukan oleh pelajar IPG yang mempengaruhi faktor penerimaan m-Pembelajaran dengan nilai skor min persetujuan sebanyak 4.301 (SP=0.647). Item yang mempunyai nilai skor min yang tinggi adalah item 5 iaitu 4.440 (SP=.685). Manakala item yang mendapat persetujuan yang rendah adalah item 2 iaitu 4.167 (SP=.650), namun masih interpretasikan pada tahap yang tinggi.

Persetujuan Terhadap Keperluan Konstruk Nilai Dalam Model Penerimaan GeSva m-Pembelajaran

Persoalan kajian 2: Adakah terdapat keperluan elemen nilai model penerimaan GeSva dalam m-Pembelajaran Institut Pendidikan Guru (IPG)?

Jadual 8
Nilai Amanah

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Memberi maklumat awal kepada pengguna sebelum pengumpulan data.	4.256	.630	Tinggi	PERLU
2	Memberi pilihan kepada pengguna untuk berkongsi atau menggunakan maklumat mereka.	4.231	.606	Tinggi	PERLU
3	Membolehkan mengakses data yang dikumpulkan tentang mereka.	4.222	.643	Tinggi	PERLU

Jadual 8 (sambungan)

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
4	Memastikan data selamat di dalam dan di luar.	4.509	.694	Tinggi	PERLU
Skor Purata Persetujuan		4.305	0.643	Tinggi	PERLU

Statistik dalam jadual 8 menunjukkan purata skor min persetujuan bagi nilai amanah yang diperlukan oleh pelajar IPG yang mempengaruhi faktor penerimaan m-Pembelajaran dengan nilai skor min persetujuan sebanyak 4.305 (SP=0.643). Keseluruhan item yang terdapat dalam nilai amanah sebanyak empat item menunjukkan kesemua nilai interpretasi yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa item 4 "Memastikan data selamat di dalam dan di luar" adalah mencatatkan min yang tinggi dengan nilai 4.509 (SP=.694).

Jadual 9

Nilai Bertanggungjawab

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembelajaran secara m-Pembelajaran	4.209	.644	Tinggi	PERLU
2	Saya akan memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran apabila menggunakan m-Pembelajaran	4.410	2.680	Tinggi	PERLU
3	Saya bersedia menghadapi apa sahaja kemungkinan yang berlaku semasa m-Pembelajaran dilaksanakan.	4.244	.659	Tinggi	PERLU
4	Saya sanggup memperuntukkan masa yang lebih terhadap m-pembelajaran	4.487	3.377	Tinggi	PERLU
Skor Purata Persetujuan		4.338	1.840	Tinggi	PERLU

Jadual 9 bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang berkaitan tahap persetujuan nilai bertanggungjawab yang mempengaruhi penerimaan m-Pembelajaran iaitu memperolehi skor purata persetujuan 4.338 (SP=1.840). Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada responden menunjukkan persepsi yang positif tentang semua aspek berdasarkan skor min bagi setiap item. Bagi item 4 "Saya sanggup memperuntukkan masa yang lebih

terhadap m-pembelajaran” memperoleh skor min 4.487 (SP=3.377). Hal ini menjelaskan bahawa pelajar sudah meminati m-Pembelajaran sehinggakan berupaya memberikan masa yang lebih terhadap perkara ini. Rumusannya terhadap dapatan menjelaskan bahawa responden telah memberi satu persepsi positif tentang konstruk ini.

Jadual 10

Nilai Kepercayaan

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi	Tahap Keperluan
1	Saya percaya m-Pembelajaran merupakan bentuk pedagogi yang boleh dipercayai.	4.603	4.260	Tinggi	PERLU
2	Pembelajaran secara <i>mobile</i> merupakan bentuk pembelajaran yang sesuai diamalkan.	4.222	.602	Tinggi	PERLU
3	M-Pembelajaran merupakan konsep pembelajaran yang diyakini.	4.234	.6554	Tinggi	PERLU
Skor Purata Persetujuan		4.353	1.840	Tinggi	PERLU

Jadual 10 menunjukkan purata skor min persetujuan bagi nilai kepercayaan yang diperlukan oleh pelajar IPG yang mempengaruhi faktor penerimaan m-Pembelajaran dengan nilai skor min persetujuan sebanyak 4.353 (SP=1.840). Item yang mempunyai nilai skor min yang tinggi adalah item 1 “Saya percaya m-Pembelajaran merupakan bentuk pedagogi yang boleh dipercayai” iaitu 4.603 (SP=4.260).

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, skor purata persetujuan pelajar terhadap komponen kemahiran generik dalam model penerimaan m-Pembelajaran yang melibatkan kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran TMK adalah diinterpretasikan sebagai min yang tinggi dan mencapai tahap yang perlu dijadikan elemen yang terkandung dalam Model Penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran IPG. Dapatan ini selari dalam kajian Mohd Fadzli dan Normah (2011) bahawa faktor kemahiran generik iaitu kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran TMK mempunyai min yang tinggi dan amat penting dalam mempengaruhi penerimaan m-Pembelajaran di IPT. Pendapat ini turut disokong Mohd Azril (2017) bahawa pelajar yang memiliki tahap kemahiran generik yang tinggi juga lebih mudah menerima dan menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran mereka. Manakala kelemahan kemahiran generik pelajar pula akan menghalang mereka untuk menerima m-Pembelajaran dalam PdP (Abd Hamid, Siti Hajar dan Mohd Fadzli,

2007). Persetujuan terhadap konstruk kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran TMK diperlukan dalam penerimaan m-Pembelajaran di IPT kerana pembelajaran menggunakan platform secara *mobile* semakin diterima pakai untuk membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka (Kamil et al., 2014). Sehubungan itu Ncrel & Metiri (2003) menyatakan terdapat beberapa kemahiran yang lain diperlukan dalam penerimaan m-Pembelajaran bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran globalisasi iaitu kemahiran literasi digital, kemahiran berkomunikasi, kemahiran globalisasi dan kemahiran keusahawanan.

Merujuk kepada dapatan kajian dalam aspek nilai pula, skor purata persetujuan pelajar terhadap komponen nilai dalam model penerimaan m-Pembelajaran yang melibatkan amanah, bertanggungjawab dan kepercayaan juga turut mencapai min yang tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa nilai amanah, bertanggungjawab dan kepercayaan adalah elemen yang penting dalam mempengaruhi penerimaan m-Pembelajaran di IPG dan selari dalam kajian (Mohd Roslan, 2010; Rashidi, 2014; Rashidi, 2017). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat responden yang mempunyai integriti dan nilai amanah yang tinggi dalam menjaga keselamatan data sama ada dari dalam dan luar.

Pengukuhan elemen nilai ke dalam diri pelajar adalah mustahak kerana ianya mendorong pelajar untuk melakukan kebaikan dan memupuk tingkah laku agar berakhlak mulia. Maka penekanan elemen nilai-nilai ini kepada semua jenis bidang ilmu perlu diberi keutamaan kerana dengan menanamkan nilai-nilai yang positif adalah berupaya mengelak setiap insan daripada unsur-unsur yang negatif dan mungkar (Al-Bugis, 2017; Hamimah Khairul, 2014).

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan komponen kemahiran generik dan komponen nilai yang diperlukan bagi membangunkan model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran di IPG. Daripada dapatan dan analisis yang telah dijalankan menunjukkan persetujuan terhadap keperluan konstruk kemahiran generik iaitu kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran TMK sebagai faktor yang mempengaruhi penerimaan dalam pembangunan model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran berada pada tahap tinggi. Bagi komponen nilai pula yang melibatkan nilai amanah dan nilai kepercayaan turut mendapat persetujuan terhadap konstruk berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa setiap pelajar memerlukan komponen kemahiran generik dan nilai yang tertentu untuk mendorong mereka dalam penerimaan m-Pembelajaran di IPG.

Berdasarkan dapatan kajian ini terdapat beberapa implikasi yang sepatutnya di beri perhatian iaitu:

- a) Pihak pengurusan akademik di IPGM disarankan agar semua kursus yang digubal perlu dimasukkan elemen kemahiran generik dan nilai.
- b) Pihak pengurusan di IPGM juga hendaklah memberikan perhatian kepada infrastruktur seperti kemudahan jalur lebar tanpa wayar iaitu *wifi* di sekitar kampus untuk memudahkan perlaksanaan dan penerimaan m-Pembelajaran di semua IPG.
- c) Para pensyarah hendaklah berperanan untuk menerapkan kemahiran generik dan nilai di dalam setiap kursus yang ditawarkan di IPG.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, pengkaji ingin mengemukakan cadangan kajian lanjutan. Cadangan kajian lanjutan boleh dikembangkan dengan melibatkan penggunaan platform yang lain seperti *Learning Management System* (LMS), *Google Classroom* dan *Padlet* bagi mendapatkan kualiti pengajaran yang lebih baik dan seterusnya meningkatkan penerimaan dan penggunaan m-Pembelajaran dalam proses PdP di IPG.

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini mendapati penguasaan elemen kemahiran generik dan nilai yang adalah sangat diperlukan dan memudahkan dalam penerimaan m-Pembelajaran di IPG. Perkara ini jelasnya menunjukkan bahawa penguasaan pelajar dalam kemahiran generik dan nilai yang tinggi ini mampu merealisasikan hasrat negara selaras dengan Transformasi Nasional 2050.

Rujukan

- Abbas, R. (2017). Kemahiran Generik: Hubungan nilai amanah dengan etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia. *O-JIE: Online Journal Of Islamic Education*, 2(2). Retrieved from <https://ojie.um.edu.my/article/view/5489>
- Abdul Salam, Y. (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sobri Shuib (2010). *Reka bentuk kurikulum m-pembelajaran sekolah menengah*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak di terbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Bugis, Z. (2018). Agama sebagai suatu terapi bagi remaja (Suatu pendekatan psikologi pendidikan). *Jurnal Pendidikan Islam Iqra'*, 3(1), 88-96.
- Ali, M. F. B., & Salleh, N. B. (2011). Mengkaji hubungan di antara pembelajaran koperatif (Kemahiran Generik) dengan kemahiran menggunakan e-Pembelajaran di kalangan pelajar yang mengambil subjek Telekomunikasi dan Rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Amani Dahaman (2014). *Pembangunan modul m-Pembelajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak di terbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amiruddin, M. H., Jafaar, S. N., & Samad, N. A. (2017). Tahap pengetahuan, kemahiran dan kebolehpayaan pelatih pendawaian elektrik dalam pembentukan usahawan teknikal di Giatmara Negeri Johor. *Sains Humanika*, 9(1-5), 109-117
- Amiruddin, M. H., Ngadiran, I. A., Zainudin, F. L., & Ngadiman, N. (2017). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu (Malaysian students' level of generic skill in teaching and learning process: A case study of Mara Skills Institute students, Johor Baharu). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Chen, Y. S., Kao, T. C., & Shen, J. P. (2003). A mobile learning system for scaffolding bird watching learning. *Journal of Computer Assisted Learning*, 19(3), 347-359.
- David, O. N., & Rahim, N. Z. A. (2012). The Impact of UTAUT Model and (TMK) Theoretical Framework on University Academic Staff: Focus on Adamawa State University, Nigeria. *International Journal of Computers & Technology*, 2(2b), 102-111.

- Hamid, A., Hajar, S., & Ali, M. F. (2007). *Pembelajaran koperatif menggunakan e-pembelajaran di kalangan pelajar yang mengambil subjek telekomunikasi dan rangkaian, fakulti pendidikan, UTM, Skudai, Johor*. (Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan).
- Hussin N.H., Jaafar J., Downe A.G. (2011) Assessing Educators' Acceptance of Virtual Reality (VR) in the Classroom Using the Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). In: Badioze Zaman H. et al. (eds) *Visual Informatics: Sustaining Research and Innovations. IVIC 2011. Lecture Notes in Computer Science*, vol 7066. Springer, Berlin, Heidelberg
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2014). *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*, Cyberjaya, Selangor: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jodi, K. H. B. M. (2014). *Sejauhmana bahan bacaan mempengaruhi pemahaman akidah remaja: satu kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014 (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Kamil, Wisam Abduladheem; Fadahl, Zaid Abass; Shukur, Ban Salman; Al-khafaji, Nassir Jabir; Azeez, Naofal Mohamad Hassin, "Mobile school: Face-to-face learning interface for Iraqi students in Malaysia," *Digital Information and Communication Technology and it's Applications (DICTAP), 2014 Fourth International Conference on*, vol., no., pp.132,137, 6-8 May 2014 doi: 10.1109/DICTAP.2014.6821670
- Khalim, Z., & Wan Zulkifli, W. H. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lee, M. K., & Turban, E. (2001). A trust model for consumer internet shopping. *International Journal of electronic commerce*, 6(1), 75-91.
- Liu, T. C., Wang, H. Y., Liang, J. K., Chan, T. W., Ko, H. W., & Yang, J. C. (2003). Wireless and mobile technologies to enhance teaching and learning. *Journal of Computer Assisted Learning*, 19(3), 371-382.
- Malik, A., Siraj, S., Abdullah, M., & Sakika, K. (2017). Keperluan dan penerimaan guru pelatih terhadap pelaksanaan m-pembelajaran dalam pendidikan guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(3), 62-70. Retrieve from <https://juku.um.edu.my/article/view/8228>
- Mohd Paris (2016). *Modul pengajaran m-Pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri mata pelajaran sejarah peringkat menengah*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nidzam Yaakob (2017). *Pembangunan Model Kurikulum M-Pembelajaran Kursus Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Institut Pendidikan Guru*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak di terbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- NCREL, & Group, Metiri. (2003). *EnGauge 21st century skills: Literacy in digital age*. Naperville, IL & Los Angeles, CA: NCREL & Metiri.

- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual: A step to data analysis using SPSS*. Australia: Allen & Unwin.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. (2012). *Laporan awal -ringkasan eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rashidi Abbas & Ilhamie Abd Ghani Azmi & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2014). Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah Dengan Etika dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia. *The Online Journal Of Islamic Education July 2014*, vol.2 Issue 2.
- Saedah Siraj. (2004). M-Pembelajaran untuk kurikulum masa depan (mLearning for future curriculum), *Masalah Pendidikan (Issues in Education)*, 27, 115-29.
- Sattari, A., Abdekhoda, M., & Zarea Gavgani, V. (2017). Determinant factors affecting the web-based training acceptance by health students, applying UTAUT model.
- Shah, K. M., Mukhtar, F., Abdullah, H., Malek, M. A., & Shukur, Z. M. (2017). Kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 42(1), 69-75.
- Tsai, C.-C. & Hwang, G.-J. (2013). Issues and challenges of Educational Technology Research in Asia. *The Asia- Pacific Education Researcher*, 22(2): 215-216. doi: 10.1007/s40299-012-0038-9

